



SEBAHAGIAN daripada graduan penerima PhD. yang membawa gelaran 'Doktor'.



TUN Juar ketika berucap.

## Graduan bijaksana mampu jadi tonggak negara

NST 24-11-2019

KOTA KINABALU: Graduan dinasihati untuk sentiasa peka kepada perubahan semasa agar terus menjadi individu yang positif dan berintegriti.

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah Tun Juar Mahiruddin berkata graduan berfungsi sebagai tonggak kepada kekuatan dan cerminan masa depan negara pada masa hadapan.

"Generasi lama pasti akan pergi, tinggalkan anda sebagai pewafis dan penerus kepada kegemilangan bangsa dan negara.

"Sesungguhnya menjadi yang hebat dalam

perjuangan ilmu adalah amat rumit dan dipenuhi cabaran, maka wajar untuk graduan terus bersikap utuh dan kental bagi meneruskan kegemilangan atau mencipta tamadun baharu untuk Malaysia kelak," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Konvokesyen UMS kali ke-12 bagi sidang pertama disini pagi kelmarin.

Menurut Tun Juar, penerokaan ilmu sejak berzaman lalu telah membuktikan kepentingan ilmu kepada masyarakat.

"Ilmu sebagai pelita dalam hidup dan sering kali kita sebagai bidalan kumpulan bijaksana sejak

dulu kala, 'tuntutlah ilmu hingga ke negara China.

"Hasrat untuk menuntun ilmu perlu diteruskan kerana kepentingan ilmu juga turut diperjuangkan oleh semua termasuk Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mana beliau pernah berkata, 'ilmu pengetahuan tanpa nilai-nilai yang mulia belum tentu dapat melahirkan masyarakat yang baik dan berjaya,' dan kerana inilah saya ingin mengingatkan agar para graduan memperkaya nilai murni agar mampu diseragamkan dengan ilmu pengetahuan," katanya. -**QLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**